# Latihan GETS 4.0 diselaras dengan sektor ekonomi strategik

## PCDS 2030 tumpu enam sektor ekonomi iaitu Pembuatan, Pertanian, Pelancongan, Perhutanan, Perlombongan dan Perkhidmatan

Oleh Jessica Jawing

**KUCHING: Beberapa kandungan latihan dalam Program Latihan Pengukuhan Graduan Sarawak (GETS) 4.0 akan diselaraskan dengan sektor ekonomi strategik PCDS 2030.**

Setiausaha Kerajaan Negeri Datuk Amar Jaul Samion berkata, Strategi Pembangunan 2030 Pasca COVID-19 (PCDS 2030) yang dilancarkan Ketua Menteri pada 22 Julai 2021 menumpukan kepada enam sektor ekonomi iaitu Pembuatan, Pertanian, Pelancongan, Perhutanan, Perlombongan dan Perkhidmatan.

"Sektor-sektor ini kemudian akan disokong oleh tujuh pemboleh iaitu Transformasi Digital, Inovasi, Pendidikan & Modal Insan, Infrastruktur dan Utiliti Asas, Pengangkutan dan Tenaga Diperbaharui.

"Dengan pelancaran PCDS 2030, beberapa kandungan latihan dalam GETS 4.0 akan diselaraskan dengan sektor ekonomi strategik PCDS 2030," katanya berucap pada Majlis Pelancaran Program GETS4.0 yang disempurnakan Ketua Menteri Datuk Patinggi Abang Johari Tun Openg secara hibrid di sini, semalam.



**LANCAR:** **Abang Johari melancarkan simbolik pelancaran GETS 4.0 yang diadakan secara hibrid sambil disaksikan Jaul (kiri) dan Sabariah (kanan).** — Gambar Penerangan

Jaul berkata program GETS yang merupakan anjuran Sarawak Centre of Performance Excellence (SCOPE) kini memasuki 4.0 telah menunjukkan hasil yang memberangsangkan dengan objektif utama program ini semakin tercapai.

Menurutnya GETS adalah program latihan di tempat kerja selama 12 bulan di mana graduan akan ditempatkan di agensi terpilih berdasarkan latar belakang pendidikan mereka.

"Berdasarkan laporan, kami mendapati bahawa pada 2019 hingga 2021 iaitu 20 peratus daripada 214 pelatih ditawarkan bekerja oleh syarikat seperti Petronas, SAINS, SMA, SDEC, SACOFA, SEB, SEDC, PELITA, SMG, Longi, OCEANCARE dan banyak lagi.

"Enam peratus daripada kira-kira 65 pelatih telah diambil bekerja oleh syarikat di mana mereka ditempatkan untuk program latihan dan ini bermakna bahawa objektif utama program ini semakin tercapai," katanya.

> "Sektor-sektor ini kemudian akan disokong oleh tujuh pemboleh iaitu Transformasi Digital, Inovasi, Pendidikan & Modal Insan, Infrastruktur dan Utiliti Asas, Pengangkutan dan Tenaga Diperbaharui."
>
> **Datuk Amar Jaul Samion**
> *Setiausaha Kerajaan Negeri*

Tambah Jaul, program GETS diperkenalkan sebagai platform untuk meningkatkan kemahiran bekerja baharu, seperti penggunaan bahasa Inggeris sebagai komunikasi di tempat kerja dan untuk meningkatkan kecekapan graduan agar sejajar dengan Strategi Ekonomi Digital Sarawak (2018-2022) dan keperluan tempat kerja masa depan.

Katanya, kumpulan pertama bermula pada 2019 dengan sejumlah 535 pemohon daripada latar belakang Sains, Matematik, Kejuruteraan dan Teknologi (STEM) dan bukan STEM.

"Selepas melalui penilaian yang diperlukan, 321 telah lulus dan ditempatkan di agensi kerajaan, syarikat berkaitan kerajaan (GLC) dan sektor swasta.

"Kumpulan kedua bermula pada 2020 dan kumpulan ketiga pada 2021 dengan masing-masing 301 dan 437 pelatih yang ditempatkan di pelbagai industri.

"Sebahagian besarnya adalah di Kuching, tetapi ada beberapa pelatih ini yang bertugas di Pejabat Residen di setiap bahagian dan di Pusat Komuniti Digital di kawasan luar bandar," katanya.

Hadir sama pada majlis pelancaran Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri merangkap Pengerusi SCOPE Datu Dr Sabariah Putit, Setiausaha Kewangan Negeri Datu Dr Wan Lizozman Wan Omar dan Ketua Pegawai Eksekutif SCOPE Dr Asleena Helmi.

## Masing agih MRP berjumlah RM3.17 juta setakat September 2021

**KUCHING:** Timbalan Ketua Menteri Tan Sri Datuk Amar James Masing telah mengagihkan dana projek kecil luar bandar (MRP) berjumlah RM3.17 juta kepada beberapa persatuan, kelab, jawatankuasa dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) di Sarawak, setakat September tahun ini.

Pada majlis ringkas di pejabatnya di sini kelmarin, Masing yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Baleh menyerahkan cek MRP kepada kira-kira 20 penerimaa dari luar konstituensi Baleh.

"Kita mengadakan majlis ini seringkas mungkin dan dalam skala yang kecil dengan hanya 10 wakil penerima dijemput pada sesi pagi dan 10 lagi pada sesi petang.

"Ini bagi memastikan majlis berlangsung dengan mematuhi prosedur operasi standard," katanya dalam satu kenyataan.



**UNTUK ALBUM:** **Masing (duduk, tengah) merakam kenangan bersama wakil penerima geran MRP.**

Fasa pertama dana MRP telah diagihkan pada Jun lalu di Kapit dengan jumlah keseluruhan RM1.8 juta yang memberi manfaat kepada 91 Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) di situ.

Sementara fasa kedua pula, 39 JKKK melibatkan jumlah dana RM461,500 telah diagihkan diikuti penyerahan kepada 87 lagi penerima terdiri daripada NGO, persatuan, kelab dan biro wanita dengan jumlah keseluruhan RM909,000.

## Petronesa sumbang RM50,000 kepada Tabung Bencana Negeri Sarawak

**KUCHING:** Sarawak Badan Amal Tenaga Isteri-Isteri (SABATI) semalam menerima sumbangan RM50,000 daripada Petronesa untuk Tabung Bencana Negeri Sarawak bagi membantu kerajaan negeri mengurus pandemik COVID-19 di negeri ini.

Sumbangan itu disampaikan Pengerusi Petronesa Dato Sri Mohamad Abu Bakar Marzuki kepada Presiden SABATI Datin Patinggi Datuk Amar Juma'ani Tuanku Bujang dalam satu majlis ringkas di pejabat SABATI di Wisma Sultan Tengah di sini, semalam.

"SABATI amat menghargai sumbangan daripada Petronesa dan ia akan digunakan bagi membantu meringankan beban rakyat di negeri yang memerlukan sepanjang pandemik COVID-19," katanya.



**TERIMALAH:** **Abu Bakar menyampaikan sumbangan daripada Petronesa kepada Juma'ani sambil disaksikan yang lain.**

Hadir sama Pengarah Eksekutif Petronesa Mersal Abang Rosli, Pengarah Petronesa Mohamad Adzlie Ibrahim, Pengurus Besar Petronesa Eileen Chieng, Naib Presiden SABATI Datuk Dayang Morliah Awang Daud, Setiausaha Kehormat SABATI Datin Dr Zaliha Christine Abdullah dan Bendahari Kehormat SABATI Datin Siti Shorgyah Ahmad Zaidin.




PRINTED AND DISTRIBUTED BY PRESSREADER
PressReader.com +1 604 278 4604
COPYRIGHT AND PROTECTED BY APPLICABLE LAW
pressreader